

## Menyantuni Wanita

Daripada Abi Hurairah RA berkata, Rasulullah SAW bersabda:

اسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ، فَإِنَّ الْمَرْأَةَ خُلِقَتْ مِنْ ضَلَعٍ وَإِنْ أَعْوَجَ مَا فِي الضِّلَعِ أَعْلَاهُ، فَإِنْ ذَهَبَتْ تُقِيمُهُ كَسْرَتُهُ، وَإِنْ تَرَكَتُهُ لَمْ يَزَلْ أَعْوَجَ، فَاسْتَوْصُوا بِالنِّسَاءِ. وَفِي رِوَايَةٍ لِمُسْلِمٍ: وَكَسَرُهَا طَلِاقُهَا.

**Maksudnya:** “Wasiatkanlah dengan kebaikan terhadap wanita kerana perempuan diciptakan dari tulang rusuk dan yang paling bengkok ialah pada tulang rusuk yang di atas, jika kamu mahu meluruskannya nescaya kamu patahkannya dan jika kamu biarkannya nescaya sentiasalah ia bengkok. Justeru, hendaklah kamu berwasiat dengan kebaikan terhadap wanita.” Dalam riwayat Muslim: “dan memecahkannya bermaksud menceraikannya.”

Hadis *muttafaq alaih*, (2/181) (اللؤلؤ والمرجان). Diriwayatkan oleh al-Bukhari (al-Sahih) (9/253 no. 5186). Muslim (2/1090-1091)

## Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Terdapat pelbagai hikmah dan faedah pensyariatan nikah. Pengarang *Fiqh al-Manhaji* menyebut antaranya:
  - Memenuhi keperluan fitrah manusia.
  - Mengembangkan masyarakat Islam dengan keturunan yang soleh dan generasi terdidik.

- Mewujudkan ketenangan jiwa dan ketenteraman rohani.
  - Memelihara daripada kemerosotan dan keruntuhan akhlak.
  - Menjaga kelangsungan generasi manusia yang sejahtera.
  - Mengembangkan kekeluargaan dan mengeratkan semangat bekerjasama.
2. Melalui perkahwinan, pasangan suami isteri bekerjasama memikul tanggungjawab, tiap-tiap seorang dari mereka melengkapkan kerjaya yang lain.
  3. Perempuan menjalankan tugas-tugasnya yang boleh masuk dalam bidang ikhtisasnya dan mengikut apa yang sesuai dengan tabiatnya serta kewanitaannya iaitu menjaga urusan rumahtangga dan mendidik anak-anak. Tepatlah ungkapan penyair yang berkata: *“Ibu seumpama gedung ilmu (sekolah), kalau disediakan dan dilengkapi dengan segala ilmu pengetahuan, pasti ia akan membentuk dan melahirkan generasi yang baik, kuat, berilmu dan berketurunan mulia.”*
  4. Suami pula menjalankan kerja dalam bidang ikhtisasnya dan sesuai dengan tabiat kelakiannya iaitu mencari rezeki untuk menyara anak-anaknya. Ia juga menjalankan kerja-kerja berat, ia mempertahankan keluarganya dari dugaan-dugaan hidup, musuh serta kejadian-kejadian yang boleh menimpa mereka.
  5. Dalam keadaan begini terlaksanalah kerjasama antara kedua suami isteri, boleh mencapai keadaan yang lebih baik dan mendapat kesempurnaan bagi menyediakan anak-anak yang soleh dan mendidik generasi yang berilmu, hatinya penuh keazaman iman yang kuat, jiwanya dipenuhi dengan agama Islam, bahkan keseluruhan rumahtangga akan merasa amat bahagia di bawah lindungan kasih sayang, kesejahteraan, kedamaian serta ketenangan.

### Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Orang yang sudah memiliki isteri mahupun suami, rumah, badan yang sihat dan kecukupan harta, maka dia telah mendapat keindahan hidup. Kerana itu, ia harus bersyukur kepada Allah dan merasa puas hati. Di atas semua itu tidak ada lagi kenikmatan, kecuali keresahan belaka.
- ❖ **Pujangga berkata:** Kebahagiaan itu terdapat dalam garis keturunan, dalam harta benda dan dalam emas berlian. Tetapi kebahagiaan itu terdapat dalam agama, ilmu, sopan santun dan matlamat yang dicapai.

### Kisah Teladan

Ketika Ibn Mubarak pergi haji bersama rombongan, dia melihat seorang wanita mengais sisa-sisa makanan di tempat sampah. Lalu, dia mengirim pembantunya untuk bertanya mengapa wanita itu melakukan hal tersebut.

Sambil berlinangan air mata wanita itu berkata: Kami tidak mempunyai apa-apa selama tiga hari, kecuali apa yang kami ambil dari tempat sampah.

Mendengar hal itu, Ibn Mubarak membahagikan bekalannya di desa tersebut, lalu dia kembali ke kampungnya dan menunda perjalanan hajinya yang akan dilaksanakan tahun itu. Dalam mimpinya, dia melihat orang-orang mengatakan kepadanya: Semoga menjadi haji yang mabrur dan semoga dosamu diampuni. Allah SWT berfirman:

وَيُؤْتُونَ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ وَلَوْ كَانَ بِهِمْ خَصَاصَةٌ ۗ وَمَنْ يُوقِ شُحَّ نَفْسِهِ فَأُولَٰئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

**Maksudnya:** Dan mereka juga mengutamakan orang-orang yang berhijrah itu lebih daripada diri mereka sendiri, sekalipun mereka dalam keadaan kekurangan dan amat berhajat. Dan (ingatlah), sesiapa yang menjaga serta memelihara dirinya daripada dipengaruhi oleh tabiat bakhilnya, maka merekalah orang-orang yang berjaya.

(Surah al-Hasyr: 9)

Ya Allah, betapa indahnya ciptaan-Mu, betapa agungnya kurniaan-Mu, dan betapa baiknya ketenangan itu. Seseorang tidak akan menyesal untuk melakukan perbuatan baik, walaupun berlebihan. Yang ia sesali hanyalah kesalahan yang ia lakukan. Seorang penyair berkata:

الْبِرُّ أَبْقَى وَإِنْ طَالَ الزَّمَانُ بِهِ ❁ وَالْإِثْمُ أَقْبَحُ مَا أَوْعَيْتَ مِنْ زَادٍ

*Kebaikan tetap berterusan walaupun ditelan masa,  
Kejelekan akan hilang walaupun dipupuknya.*

